

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT-SETIA KEPADA KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG
DI PERTUAN AGONG SEMPERNA HARI KEPUTERAAN RASMI BAGINDA

TEMPAT: ISTANA NEGARA

TARIKH: 01 JUN 1983

MASA:

Mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Seri Paduka Baginda Sultan Haji Ahmad
Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum
Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin
Al-Mu'adzam Shah, D.K.M.,
Yang Di Pertuan Agong.
Ampun Tuanku.

Patek, bagi pihak diri patek, dan bagi pihak Kerajaan
dan seluruh rakyat, mohon menyembah setinggi-tinggi ucapan
tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, sempena
hari Keputeraan Rasmi Baginda Tuanku pada hari ini.

2. Sempena hari yang bahagia ini, patek sekalian berdoa ke
hadrat Allah Subhanahu Wataala, semoga dilanjutkan usia
serta dilimpahkan rahmat dan hidayahNya kepada Kebawah Duli
Tuanku serta Raja Permaisuri Agong. Demikian juga, patek
sekalian berdoa, semoga Tuanku berdua sentiasa sihat
walafiat, serta kekal memerintah dan memegang teraju
tertinggi pemerintahan negara Malaysia, dengan bertambah
daulat dan kemuliaan.

Ampun Tuanku,

3. Dalam suasana politik dan ekonomi dunia hari ini,
negara Malaysia, seperti juga negara-negara membangun yang
lain, perlu bekerjasama dengan lebih erat lagi, dengan yang
lebih mampu membantu dan membimbing yang kurang maju, dengan
tiap-tiap satunya berusaha meningkatkan lagi kemampuan bagi
menjamin kemajuan dan pembangunan masing-masing. Demi
kepentingan kita dan masyarakat dunia amnya, kita harus
berusaha dengan giat lagi untuk berdikari, dan terus
menumpukan usaha untuk meningkatkan kemampuan dan daya
pengeluaran kita. Dengan cara inilah sahaja kita dapat
menjaga kepentingan kita dan membuat sumbangan kepada
kemakmuran dan kemajuan dunia.

4. Keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang belum reda, dan
pencerobohan yang dilakukan ke atas pihak-pihak yang lemah
oleh kuasa-kuasa tertentu, tanpa tindakan tegas oleh
kuasa-kuasa besar bagi memulihkan keadaan, telah menjadikan
dekad lapan puluhan sebagai satu tempoh yang genting bagi
keselamatan dan pembangunan amnya. Keadaan ini mesti

dipulihkan, tetapi usaha ke arah ini memerlukan kejujuran dan komitmen semua pihak, lebih-lebih lagi kuasa-kuasa besar yang mempunyai berbagai kemampuan dan pengaruh.

5. Malaysia akan terus berusaha, melalui hubungan luar dan penglibatan kita dalam forum-forum antarabangsa dengan tumpuan kepada perhubungan dua hala untuk sama-sama mencari jalan bagi mententeramkan suasana politik dan ekonomi antarabangsa, dan bagi mewujudkan asas hubungan antarabangsa yang lebih adil dan bermakna.

Ampun Tuanku,

6. Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sedang berusaha untuk meletakkan asas-asas yang lebih kukuh bagi pembangunan negara yang seimbang, makmur, maju dan bermaruah. Perubahan-perubahan telah dibuat bagi mengatur dan meningkatkan kemampuan negara bagi kemajuan yang lebih pesat. Dasar Pandang Ke Timur dan konsep Persyarikatan Malaysia, bagi menggembleng persefahaman dan tenaga, serta memupuk daya pengeluaran yang lebih tinggi bagi semua sektor sedang dilaksanakan. Usaha juga sedang dilakukan bagi memperkukuhkan lagi jentera Kerajaan, supaya kerja-kerja pembangunan negara dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, dan berkesan. Patek yakin, dengan sokongan dan penglibatan semua pihak, usaha-usaha yang dijalankan ini akan memberi faedah dan manfaat kepada rakyat dan negara, bukan sahaja dari segi jangka pendek, malahan dari segi jangka panjang.

7. Sesungguhnya negara Malaysia amat bertuah kerana mempunyai pelbagai sumber kekayaan. Usaha-usaha Kerajaan dengan sokongan dan penglibatan rakyat telah dapat menjadikan negara kita sebagai sebuah negara yang berpotensi di kalangan negara-negara membangun. Patek sekalian yakin, bahawa di bawah naungan dan pimpinan Tuanku, negara Malaysia akan terus aman, sejahtera dan makmur. Begitu juga patek sekalian yakin, bahawa dengan Tuanku memimpin patek sekalian, taraf kehidupan dan perpaduan serta ketahanan rakyat akan semakin meningkat. Patek, bersama-sama dengan Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, dan sekalian pegawai dan kakitangan Kerajaan, akan terus menumpukan usaha dan tenaga untuk menyempurnakan tugas dan tanggungjawab patek sekalian dengan semangat dan komitmen bagi kemakmuran, keselamatan dan kebahagiaan rakyat dan negara Malaysia.

8. Pada hari yang bahagia dan penuh istiadat ini, bagi pihak diri patek, Kerajaan dan seluruh rakyat, patek dengan segala hormat dan takzimnya mohon menyembah ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah Duli Tuanku.

Ampun Tuanku,

Sekian, sembah patek harap diampun.